

# KAD KREDIT

Apakah  
yang anda  
perlu tahu...

*Semakan Disember 2007*



**RANCANG WANG**  
**MASA DEPAN CERAH**

Program Pendidikan Kewangan Kebangsaan

## *Apa yang anda perlu tahu... mengenai Kad Kredit*

### **1. Apa itu kad kredit?**

Kad kredit ialah satu bentuk pinjaman. Ia membolehkan anda membeli barangan dan perkhidmatan tanpa menggunakan wang tunai, iaitu melalui kredit. Oleh itu, sebuah kad kredit merupakan satu instrumen pembayaran yang mudah dan bukan bertujuan sebagai kredit jangka panjang. Anda boleh memohon untuk kad kredit dari pengeluar kad (biasanya sebuah bank) dan jika permohonan anda diluluskan, sekeping kad akan dikeluarkan kepada anda dengan had pinjaman.

### **2. Bilakah boleh anda menggunakannya?**

Anda boleh menggunakan kad anda di dalam negara dan di luar negara di tempat-tempat yang memaparkan jenama kad kredit atau kad caj anda. Apabila anda membuat pembelian menggunakan kad kredit, anda perlu menandatangani resit penjualan. Pihak kedai akan menyimpan sekeping salinan dan sekeping salinan lagi diberikan kepada anda. Pengeluar kad anda akan membayar pihak kedai dan akan mengambil pembayaran tersebut dari anda melalui sekeping bil yang menjumlahkan segala pembelian anda dalam tempoh yang ditetapkan, biasanya sebulan.

Anda juga boleh menggunakan kad anda untuk membuat pembelian secara online. Namun, berhati-hatilah ketika berbelanja secara online dan hanya langgani kedai-kedai online yang anda kenali dan percayai. Cetak inbois atau surat pengesahan setiap kali anda melengkapkan pembelian secara online dan periksa setiap pembelian anda pada penyata bulanan yang diberikan kepada anda oleh pengeluar kad.

### **3. Memahami penyata bulanan**

Pihak pengeluar kad akan menghantar kepada anda penyata bulanan yang menyenaraikan setiap pembelian yang anda lakukan menggunakan kad tersebut sepanjang bulan itu. Adalah penting untuk memeriksa penyata tersebut secara terperinci dan maklumkan kepada pihak pengeluar kad secepat mungkin jika terdapat kesilapan atau jika anda perlukan penjelasan. Ambil perhatian terhadap perkara-perkara berikut pada penyata bulanan anda:

#### **a. Tarikh Penyata**

Ini adalah tarikh bila penyata itu dikeluarkan. Semua pembelian yang direkodkan di antara tempoh penyata terakhir dan penyata yang terkini akan disenaraikan pada penyata itu.

#### **b. Tarikh Tamat Bayar**

Anda perlu membuat pembayaran bila kad kredit selewat-lewatnya sehingga tarikh ini tanpa dikenakan caj lewat bayar. Anda ada pilihan untuk melunaskan bila secara penuh atau membuat pembayaran separuh tertakluk kepada jumlah minimum.

### **c. Jumlah Perlu Bayar**

Jumlah perlu bayar ialah baki belum lunas yang anda caj pada kad kredit anda. Lazimnya, pihak pengeluar kad tidak mengenakan faedah jika baki belum lunas yang dipaparkan pada penyata bulanan dapat dilunaskan secara penuh sebelum tarikh tamat bayar. Ertinya, jika anda membuat melunaskan bil kad kredit anda secara penuh sebelum tarikh tamat bayar, anda akan menikmati kredit tanpa faedah pada pembelian anda.

Jika anda tidak melunaskan baki belum lunas secara penuh sebelum tarikh tamat bayar (iaitu jika anda membuat pembayaran separuh), anda dikenakan caj faedah.

Oleh itu, adalah dinasihatkan supaya anda melunaskan bil kad kredit secara penuh jika anda mahu menikmati penggunaan kredit tanpa faedah bagi pembelian anda.

### **d. Jumlah Minimum**

Pemegang kad kredit boleh membayar pada jumlah minimum, biasanya tiga atau lima peratus dari jumlah belum lunas atau \$50, mana-mana lebih tinggi.

Jika anda tidak boleh membayar secara penuh, anda sepatutnya membayar sekurang-kurangnya jumlah minimum sebelum tarikh tamat bayar dan menunggakan bakinya. Jika ini berlaku, anda akan hilang kemudahan kredit tanpa faedah bagi semua pembelian terkini dan pembelian seterusnya. Faedah akan dikira pada baki belum lunas dari tarikh setiap pembelian dilakukan, atau dari tarikh penyata, bergantung kepada kaedah pihak pengeluar kad. Pembelian baru akan dikenakan faedah serta-merta.

### **e. Caj Lewat Bayar**

Jika pembayaran penuh atau separuh tidak dibuat sebelum tarikh tamat bayar, caj lewat bayar akan dikenakan oleh pihak pengeluar kad.

### **f. Caj Faedah**

Seperti yang dijelaskan pada sub-perenggan (d), jika baki belum lunas tidak dibayar secara penuh sebelum tarikh tamat bayar (iaitu jika anda hanya membayar separuh), anda akan hilang kemudahan kredit tanpa faedah bagi semua pembelian terkini dan pembelian seterusnya. Faedah akan dikira berdasarkan baki belum lunas anda secara harian pada kadar 0.066% setiap hari (berdasarkan kadar faedah 24% setiap tahun) yang dikira dari tarikh setiap pembelian atau tarikh penyata (bergantung kepada kaedah pihak pengeluar kad). Pembelian baru dibuat selepas tarikh penyata akan dikenakan faedah serta-merta.

Untuk pendahuluan tunai (cash advance), faedah akan dikenakan dari tarikh wang tunai dikeluarkan.

#### **g. Transaksi dalam matawang asing**

Transaksi luar negara yang menggunakan matawang asing akan ditukarkan ke matawang dolar Singapura di penyata anda. Kadar tukaran matawang asing yang digunakan sebagai kadar tukaran bagi transaksi tersebut ke matawang tempatan berubah-ubah setiap hari dan dari bank ke bank. Pihak pengeluar kad hendaklah menjelaskan kaedah tukaran kadar matawang untuk transaksi menggunakan matawang asing dan lain-lain yuran atau caj. Penjelasan ini biasanya dalam bentuk nota penjelasan yang dicetak pada bahagian belakang penyata kad kredit.

### **4. Memahami Terma & Syarat-syarat**

Anda perlu membaca dan fahami Terma & Syarat-syarat menggunakan kad kredit sebelum menandatangani perjanjian kad dan menggunakan kad kredit, kerana ia adalah dokumen yang mengikat di antara anda dan pihak pengeluar kad. Terma & syarat-syarat akan meliputi perkara seperti caj pendahuluan tunai, caj kewangan bagi pembelian, tanggungan bagi kad yang hilang/dicuri, pembayaran minimum, caj lewat bayar, yuran keahlian tahunan, transaksi dalam matawang asing dan sebagainya. Tanyakan pihak pengeluar kad untuk penjelasan mengenai mana-mana terma & syarat-syarat yang tidak anda fahami.

Pihak pengeluar kad akan memberitahu anda secara bertulis dan memberikan anda notis 30 hari jika terdapat perubahan pada terma & syarat-syarat bagi operasi kad kredit. Jika anda tidak bersetuju dengan perubahan tersebut, anda boleh memilih untuk menamatkan penggunaan kad. Jika anda terus menggunakan kad, anda secara tersirat bersetuju dengan terma & syarat-syarat yang baru.

### **5. Memahami yuran dan caj yang dikenakan pada kad kredit**

#### **a. Yuran tahunan**

Ini adalah yuran keahlian di mana anda perlu membayarnya untuk menggunakan kad kredit.

#### **b. Yuran pendahuluan tunai**

Ini adalah yuran yang dikenakan bagi setiap pendahuluan tunai yang dikeluarkan menggunakan kad kredit. Biasanya ia di antara 3% hingga 5% dari jumlah yang didahulukan, tertakluk kepada jumlah minimum. Sila maklum bahawa jumlah yang didahulukan, dikira dari hari yang didahulukan.

#### **c. Caj lewat bayar**

Ini adalah yuran yang dikenakan jika anda gagal melunaskan sekurang-kurangnya jumlah minimum sebelum tarikh tamat bayar.

#### **d. Caj Kewangan**

Sila rujuk ke para 3(f) di atas. Anda dinasihatkan bertanyakan kepada pihak pengeluar kad mengenai bagaimana kaedah faedah dikira, kerana jumlah ini mungkin menjadi besar jika anda membuat tunggakan baki kredit bagi jangka masa yang lama.

### **6. Gunakan kad anda dengan bijak: Tips**

- a. Gunakan kad kredit hanya apabila anda mampu membayar bil bulanannya. Senaraikan berapa banyak yang sudah anda belanjakan.
- b. Hadkan jumlah kad berdasarkan keperluan dan kemampuan membayarnya.
- c. Bayar bil anda pada masanya bagi mengelakkan caj lewat bayar serta mengekalkan rekod kredit yang baik.
- d. Jika anda hanya membayar jumlah minimum setiap bulan, anda akan membayar faedah pada baki yang di tunggak. Jumlah faedah ini akan bertambah jika anda terus menunggak baki belum lunas dari bulan ke bulan. Oleh itu, cuba bayar baki yang belum lunas dengan secepat mungkin.
- e. Elakkan dari menggunakan kad kredit sehingga had kreditnya kerana anda tidak akan dapat menggunakannya untuk jika anda benar-benar memerlukan.

### **7. Bagaimana jika saya mempunyai masalah membayar baki bil kad kredit?**

Gagal membayar atau pembayaran lewat bil kad kredit akan direkodkan di dalam laporan kredit anda dan ini mungkin menjejaskan kelayakan anda ketika memohon pinjaman baru.

Laporan kredit mengandungi rekod sejarah pembayaran kredit seseorang (termasuk rekod muflis) dan ia dikeluarkan oleh Credit Bureau (Singapore) Pte Ltd kepada anggota biro kredit apabila mereka membuat pertanyaan mengenai seseorang individu yang memohon pinjaman. Laporan yang menunjukkan tidak membayar atau lewat membayar – sekalipun lewat 30 hari- mungkin menjejaskan peluang anda untuk mendapatkan pinjaman atau memerlukan anda membayar kadar faedah yang lebih tinggi untuk pinjaman tersebut.

Anda boleh mengambil langkah-langkah berikut jika bermasalah menguruskan pinjaman:

- Hubungi pihak piutang (creditor) segera dan meminta membuat perancangan pembayaran
- Lunaskan pinjaman berfaedah tinggi terlebih dahulu
- Pindahkan pinjaman yang berfaedah tinggi ke alternatif yang lebih rendah
- Kurangkan perbelanjaan kad kredit dan pendahuluan tunai

Jika anda mempunyai hutang \$10,000 atau lebih dan tidak boleh membayarnya, anda boleh diisytiharkan muflis.

## **8. Berhati-hati terhadap penipuan: Apa yang perlu dilakukan**

Bukan mudah untuk mengelakkan penipuan kad kredit dari berlaku. Namun, terdapat langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk mencegah orang lain dari menggunakan kad kredit anda atau maklumat kad anda tanpa pengetahuan anda.

### **a. Lakukan:**

- i. Tandatangani kad anda dengan dakwat kekal sejurus anda menerimanya.
- ii. Rekodkan nombor kad, tarikh luputnya dan nombor telefon dan alamat pengeluar kad di tempat selema.
- iii. Perhatikan kad anda semasa transaksi dan ambilnya kembali secepat mungkin.
- iv. Baca dengan teliti kertas caj sebelum menandatangani atau mengesahkan transaksi tersebut.
- v. Gariskan pada mana-mana ruang kosong di tempat di mana jumlah dipaparkan semasa anda menandatangani resit tersebut.
- vi. Jika terdapat transaksi yang tersilap, koyakkan resit caj dan semua salinannya.
- vii. Simpan resit supaya dapat membandingkan dengan penyata bil.
- viii. Periksa penyata kredit secepat mungkin sejurus anda menerimanya, terutama selepas setiap kali anda ke luar negara. Jika anda dapati terdapat sesuatu yang meragukan, hubungi pihak pengeluar kad segera.
- ix. Poskan cek anda dan tulis nombor kad pada cek. Gunakan sampul surat yang tidak lut sinar untuk menghantar cek tersebut.
- x. Koyakkan tawaran pra lulus kredit sebelum membuangnya.
- xi. Maklumkan kepada pengeluar kad dengan segera apabila anda menukar alamat. Jika boleh, beritahu mereka lebih awal.
- xii. Simpan kad anda di tempat yang sama setelah digunakan. Dengan cara ini, anda mudah mengesan jika ia hilang atau dicuri.
- xiii. Langgan hanya kedai-kedai online yang dipercayai dan yang sah sahaja. Periksa dengan syarikat kad kredit anda jika kedai online tersebut mematuhi piawaian "Payment Card Industry Data Security Standard". Anda juga boleh memasang perisian firewall, anti-virus dan anti-spyware di komputer

anda dan kemaskinikan perisian tersebut secara tetap untuk mengurangkan risiko dijangkiti virus dan kod-kod yang mampu merosakkan computer anda.

**b. Jangan Lakukan:**

- i. Menandatangani kertas caj yang kosong.
- ii. Beri butir kad kredit anda (iaitu nombor kad dan tarikh luput) kepada pihak yang tidak dikenali kerana maklumat tersebut boleh digunakan untuk membuat pembelian yang tidak disahkan melalui telefon atau internet. Anda sepatutnya tidak mendedahkan kata laluan atau nombor PIN kepada sesiapa pun.
- iii. Pinjamkan kad kredit anda kepada sesiapa.
- iv. Tinggalkan kad kredit atau resit caj merata-rata.
- v. Tulis butir kad anda di poskad atau di luar sampul surat.
- vi. Simpan butir berkaitan kad, seperti kata laluan atau PIN, di tempat yang sama dengan kad kredit.
- vii. Melakukan transaksi online di tempat-tempat awam seperti café siber.

## 9. Kehilangan kad: Apa yang perlu dibuat

- a. Jika anda kehilangan kad kredit, laporkan segera kepada pihak pengeluar kad.
- b. Jika kad anda dicuri, segera buat laporan polis serta laporkan kepada pihak pengeluar kad.
- c. Setelah anda melaporkan kehilangan kad anda, anda tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang pembelian yang tidak disahkan selepas itu. Namun, anda masih bertanggungjawab terhadap pembelian yang dilakukan sebelum laporan dibuat.

## 10. Soalan yang perlu ditanya sebelum bersetuju mengambil kad kredit

**a. Tanya diri anda:**

- i. Mengapa saya memohon kad ini?
- ii. Bolehkah saya bayar pembelian degan penuh setiap bulan? Atau adakah saya mahu membayar jumlah minimumnya sahaja dan menunggakkan baki yang ada?
- iii. Jika saya membuat tunggakkan baki, mampukah saya membayar caj yang dikenakan?
- iv. Apakah saya faham terma dan syarat-syarat menggunakan kad, yuran dan caj, kadar faedah dan samannya?

v. Apakah tindakan yang boleh diambil oleh bank jika saya gagal melunaskan pembayaran?

**b. Tanya kepada pengeluar kad:**

i. Jika yuran keahlian percuma sekarang, berapakah yurannya selepas tamat tempoh promosi?

ii. Apakah jumlah minimumnya setiap bulan?

iii. Jika saya membuat tunggakan, berapakah kadar faedah yang dikenakan bagi jumlah baki?

iv. Apakah caj yang dikenakan jika pembayaran saya, contohnya pembayaran cek, dipulangkan kerana sebarang sebab?

v. Apakah caj yang dikenakan bagi pendahuluan wang tunai di Singapura atau luar negara?

vi. Jika kad saya hilang, apa perlu saya lakukan?

vii. Adakah saya bertanggungjawab bagi pembelian yang tidak sah jika kad saya hilang?

viii. Apakah had kredit saya?

ix. Bila dan bagaimana saya dimaklumkan jika terdapat sebarang pertukaran pada terma dan syarat-syarat kad kredit?

x. Bila dan bagaimana saya akan dimaklumkan jika terdapat perubahan pada terma dan syarat kontrak?